



22 Mei 2015

Pelanggan Yang Dihargai,

PENTING & MUSTAHAK – TINDAKAN SEGERA ANDA DIPERLUKAN

Akaun Semasa-i HomeLink dan PropertyLink

Harap maklum bahawa selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), kesemua produk deposit yang mengguna pakai kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsiian untung) dan *Wakalah bi al-Istithmar* (perwakilan bagi tujuan pelaburan) akan diklasifikasikan sebagai produk akaun pelaburan selewat-lewatnya 30 Jun 2015.

Sehubungan dengan itu, kami memperkenalkan Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink baharu yang akan dihubungkan dengan akaun Pembiayaan-i HomeLink/ PropertyLink anda. Dengan pengenalan tersebut, **Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink** sedia ada anda akan diklasifikasikan sebagai **Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink**.

Akaun pelaburan baharu ini adalah berasaskan kontrak Syariah *Wakalah bi al-istithmar* ("*Wakalah*") yang mana anda sebagai prinsipal melantik pihak bank sebagai ejen bagi tujuan pelaburan. Harap maklum bahawa di bawah konsep *Wakalah*, keuntungan yang diperolehi bukan lagi berdasarkan Nisbah Keuntungan Perkongsian ("*PSR*") yang dipersetujui. Sebaliknya, kadar Pulangan Jangkaan ("*ERR*") akan disediakan dan kadar pulangan sebenar, jika ada, akan dikreditkan ke dalam akaun (akaun-akaun) baharu anda secara automatik pada setiap bulan.

Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink ini sesuai untuk pelanggan yang inginkan lebih manfaat dalam Pembiayaan-i HomeLink/ PropertyLink melalui ciri-ciri pengaitannya seperti penjimatan ke atas jumlah keuntungan yang dikenakan semasa membuat penempatan tambahan dalam akaun pelaburan. Akaun-akaun pelaburan ini adalah pelaburan berisiko rendah tanpa tempoh matang dan tiada halangan bagi penambahan pelaburan atau untuk membuat pengeluaran pada bila-bila masa.

Harap maklum bahawa Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink tidak akan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Oleh yang demikian, sekiranya anda bersetuju untuk mengklasifikasikan akaun semasa sedia ada anda kepada akaun pelaburan, sila lengkapkan Borang Maklum Balas dan Borang Penilaian Kesesuaian yang dilampirkan; dan kembalikan kepada kami melalui mana-mana cawangan kami atau dengan menggunakan sampul surat yang dikepilkan bersama surat ini dengan kadar segera atau dalam tempoh selewat-lewatnya tiga (3) minggu dari tarikh surat ini bagi mengelakkan sebarang gangguan pada hak keistimewaan anda.

Pelaksanaan klasifikasi ini akan dijalankan tanpa mengenakan sebarang kos terhadap anda. Di samping itu, buku cek, Kad Pembayaran Serbaguna ("*PMPC*") yang menyediakan kemudahan Mesin Juruwang Automatik ("*ATM*"); dan apa-apa pengendalian dan pengaturan pembayaran sedia ada anda seperti transaksi mesin layan diri, arahan tetap, auto-debit dan sebagainya akan terus efektif dan boleh digunakan.

Sekiranya anda tidak mahu mengklasifikasikan akaun anda atau jika kami tidak menerima sebarang maklumbalas daripada anda sebelum **17 Jun 2015**, Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink anda yang berasaskan kontrak *Mudarabah*, yang mana **tidak lagi disediakan selepas 30 Jun 2015**, akan ditutup. Kami akan memindahkan baki yang ada di dalam akaun tersebut terus ke dalam Akaun Semasa-i (akaun berasaskan fi) berdasarkan kontrak *Wadi'ah Yad Dhamanah (simpanan dengan jaminan)*. Secara efektifnyanya, ini bermaksud anda tidak lagi boleh menikmati manfaat pengaitan dalam Pembiayaan-i HomeLink/ PropertyLink anda. Walau bagaimanapun, apa-apa pengendalian dan pengaturan pembayaran sedia ada seperti transaksi mesin layan diri, arahan tetap, auto-debit dan sebagainya akan berterusan dan tidak akan terganggu.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan anda terus menikmati manfaat-manfaat produk, kami menggalakkan agar anda menyerahkan dokumen-dokumen berikut dalam tempoh yang ditetapkan:

1. Borang Penilaian Kesesuaian
2. Borang Maklum Balas

Untuk sebarang pertanyaan dan penjelasan, sila hubungi *IFSA Helpdesk* kami di 03-2167 3836 / 03-2167 3790 dari 9.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Khamis dan 9.00 pagi hingga 4.30 petang pada hari Jumaat. Sebagai alternatif, anda juga boleh mengunjungi cawangan terdekat anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-2178 8888. Sila rujuk Lembaran Penyataan Produk dan Terma dan Syarat Khusus bagi Akaun Pelaburan-i HomeLink & PropertyLink yang dilampirkan bersama surat ini. Penyataan Kewangan dan Soalan-soalan Lazim boleh didapati di ambankislamic.com.

Terima kasih kerana berurusan dengan Bank Anda. Bank Malaysia. AmBank Islamic.

Yang benar,

AmBank Islamic Berhad (295576-U)

(Dahulunya dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad)

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER. TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN.